

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Perisai Elektronik anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: dd.mm.yyyy

1

Apakah itu insurans Perisai Elektronik?

Polisi Perisai Elektronik ini menyediakan perlindungan untuk komputer anda dan peralatan elektronik lain daripada kerugian atau kerosakan fizikal secara tiba-tiba dan tidak dijangka, termasuk kecurian dan pelbagai sebab yang tidak disengajakan atau luaran, semasa barang-barang itu berada di tempat kerja atau berehat yang terletak di mana-mana sahaja di dalam premis berkenaan. Ia termasuk pembaikan atau penggantian baharu item yang diinsuranskan, dan meliputi perbelanjaan tambahan yang diperlukan berkaitan dengan pengembalian semula. Polisi ini juga meliputi kerugian atau kerosakan pada data media dan kos pembinaan semula data, serta peningkatan kos kerja yang ditanggung untuk meminimumkan gangguan perniagaan. Perlindungan kehilangan keuntungan juga tersedia. Semua perlindungan adalah tertakluk kepada deduktibel, peruntukan kurang insurans jika berkenaan, dan terma dan syarat polisi.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM1,500.00 (setahun_, anda akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:

Bahagian I – Perlindungan Kerosakan Matan (PKM)

Melindungi semua peralatan elektronik yang diinsuranskan termasuk perisian sistem pengendalian, dengan syarat item sedia untuk operasi dan digunakan untuk tujuan perniagaan..

Bahagian II – Perlindungan Media Data (PMD)

Melindungi data media seperti cakera, pita luaran sistem komputer daripada kehilangan atau kerosakan secara tiba-tiba dan tidak dijangka, termasuk kecurian. Ia juga meliputi kos memulihkan atau memasukkan semula data daripada sandaran atau dokumen yang tersedia, dalam premis yang diinsuranskan dan lokasi sandaran yang diluluskan.

Bahagian III – Kos Kerja Yang Meningkat (KKYM)

Menyediakan ganti rugi untuk kos tambahan yang ditanggung berikutan kerugian atau kerosakan material termasuk kos menyewa peralatan lain sebagai pengganti atau melaksanakan langkah-langkah sementara untuk mengekalkan operasi.

Polisi ini tidak melindungi:

Kos tambahah akibat perkara berikut:

- Perang, peperangan saudara dan sebarang perlakuan keganasan;
- Tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif;
- Perlakuan yang disengajakan atau kecuaiian besar;
- Hausan dan lusuh;
- Peristiwa yang mana pihak ketiga sebagai kontraktor atau pembekal bertanggungjawab mengikut undang-undang atau di bawah kontrak; dan
- Kerugian berbangkit contohnya kehilangan pendapatan.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Perisai Elektronik, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/electronic-shield-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan dan keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, bagi jumlah yang diinsuranskan jumlah perlindungan sebanyak RM500,000.00 dengan kadar premium asal 0.30%, anda perlu membayar premium sebanyak:

Perlindungan Asas	Jumlah Diinsuranskan x kadar = Premium RM500,000.00 x 0.30% = RM1,500.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM1,500.00

Di mana ini termasuk:

Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM225.00
--	------------------------------------

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM120.00

Note: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4

Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):

- Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
- Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.

- Anda mestilah memastikan harta benda anda adalah diinsuranskan dengan jumlah yang seperti berikut :

Bahagian I

Jumlah diinsuranskan bagi setiap butiran berinsurans itu hendaklah setara dengan kos penggantian benda-benda baru yang sama jenis dan kapasiti yang sama, tersebut termasuk tambang muatan, duti atau bayaran kastam yang kena dibayar, jika ada, dan kos pendirian.

Butiran diinsuranskan yang dianggap kurang insurans jika jumlah diinsuranskan yang ditetapkan adalah lebih rendah daripada nilai diinsuranskan; dalam hal ini ganti rugi yang dibayar akan dikurangkan mengikut kadar yang sama, iaitu nisbah jumlah diinsuranskan dengan nilai diinsuranskan yang sebenar.

Bahagian II

Jumlah yang diinsuranskan hendaklah dikira mengikut cara bagi memastikan bahawa ia melindungi kos-kos yang diperlukan untuk penggantian atau pembentukan semula data-data dan program-program, termasuk data media d.

Bahagian III

Jumlah yang diinsuranskan hendaklah dikira agar ia adalah setara dengan jumlah yang diperlukan untuk mengimbangi kos tambahan yang ditanggung bagi langkah-langkah interim yang diperlukan dalam satu tempoh dua belas bulan, termasuk kedua-dua kos berkadar berdasarkan had harian dan bulanan yang dipersetujui dan kos tidak berkadar berdasarkan jumlah sekaligus yang dinyatakan dalam polisi.

- Syarat sumbangan – sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang timbul terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.
- Waranti Premium – Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang disimpan oleh pihak kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.